

12/05/1998

Asnita mampu percepat proses pemulihan

PELANCARAN Amanah Saham Wanita atau lebih dikenali sebagai Asnita pada 5 Mei lalu adalah satu lagi perkembangan positif dalam industri saham amanah di negara ini. Di sebalik kegawatan ekonomi, timbul kesedaran di kalangan masyarakat untuk lebih berhati-hati dalam berbelanja dan menumpukan hasil pendapatan sedia ada bagi tujuan tabungan. Menerusi kempen yang dijalankan, rakyat mula sedar mengenai kepentingan meningkatkan tabungan negara bagi membantu mengukuhkan struktur ekonomi.

Menjangkakan sumbangan wanita di negara ini mampu melonjakkan proses pemulihan, Wanita Umno mencetuskan idea penubuhan satu dana khas yang mampu menggembelng simpanan kaum wanita di negara ini menerusi pelaburan saham amanah. Saham amanah dipilih kerana ia adalah satu instrumen kewangan yang mempunyai kadar risiko rendah tetapi dapat memberikan pulangan berdaya saing.

Kegawatan ekonomi yang berlaku mengakibatkan negara kerugian AS\$50 bilion dari segi pendapatan keseluruhan di mana kejatuhan nilai mata wang negara mencecah kadar 52 peratus.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap pada majlis pelancaran Asnita, rakyat negara ini memiliki kekayaan bernilai RM1 trilion dan beliau mahukan ianya digunakan bagi membantu negara untuk pulih daripada kegawatan sekarang.

Saranan Perdana Menteri itu harus diambil serius kerana buat masa ini negara memerlukan kecairan yang tinggi bagi menampung projek dirancangan. Tanpa pembangunan, peluang pekerjaan pasti akan berkurangan dan secara tidak langsung kuasa beli rakyat akan terjejas dan pasti produk keluaran negara tidak dapat dijual.

Asnita adalah satu pelantar bagi menarik perhatian golongan wanita dengan menggembelng harta bagi tujuan pelaburan. Ada pelbagai cara dalam menggunakan simpanan untuk tujuan pelaburan. Menerusi pelaburan, simpanan kita akan lebih produktif dan mampu menyumbang dengan lebih berkesan dalam pembangunan pertumbuhan ekonomi.

Pelaburan saham amanah mampu memberikan kita satu bentuk simpanan yang memiliki keistimewaan tersendiri. Ia diuruskan oleh pengurusan profesional yang sentiasa mengambil pendekatan terbaik dalam memastikan pulangan memuaskan. Menerusi galakan yang diberikan melalui pelbagai kempen, sekurang-kurangnya ia memberi kesan terhadap pembabitan masyarakat dalam saham amanah.

Bagi pembabitan masyarakat dalam saham amanah yang diuruskan oleh Permodalan Nasional Bhd (PNB), kegawatan ekonomi tidak menghalang pelabur menambah jumlah pelaburan dalam skim yang ditawarkan.

Pembabitan kaum wanita dalam skim saham amanah yang diuruskan PNB juga tidak kurang hebatnya. Sehingga 31 Mac 1998, jumlah pelabur wanita yang menyertai skim ASN adalah seramai 524,696 dengan pelaburan berjumlah lebih daripada 508 juta unit. Skim ASB juga mampu menarik golongan ini dengan pelabur wanita seramai dua juta dengan pelaburan melebihi RM13.8 bilion. Skim ASW 2020 pula mencatat 443,482 pelabur di kalangan wanita dengan nilai pelaburan melebihi RM845 juta.

Adalah diharapkan menerusi penubuhan Asnita, pertumbuhan industri saham amanah di negara ini memberi kesan positif. Justeru, industri ini mampu memberikan sumbangan bererti kepada pembangunan ekonomi negara dan memungkinkan kita keluar daripada kegawatan ekonomi yang dialami sekarang secepat mungkin. Harapan kita agar masyarakat turut sama berganding bahu

serta sabar menghadapi cabaran alaf baru yang bakal menjelang tidak lama lagi.

(END)